

Analisis Acuan Indeks Pembangunan

Analysis Of The Development Indice's Paradigms

Wan Norhaniza Wan Hasan (Pengarang Penghubung)
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang
Tel: +604-6533422 E-mel: wannorhaniza@gmail.com

Mohd Shukri Hanapi
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang
Tel: +604-6533422 E-mel: hshukeri@yahoo.com

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan menganalisis acuan yang mencorakkan indeks pembangunan sedia ada. Terdapat pelbagai indeks pembangunan yang digunakan untuk mengukur tahap pembangunan di dunia. Setiap indeks pembangunan dibina berdasarkan acuan pembangunan. Persoalannya, apakah acuan yang digunakan dalam pembinaan indeks-indeks pembangunan itu? Bagaimanakah acuan tersebut mempengaruhi pemilihan indikator dalam indeks-indeks pembangunan itu? Kertas kerja ini cuba menjawab kedua-dua persoalan dengan memilih dan menganalisis tiga jenis indeks pembangunan lazim, iaitu indeks pembangunan ekonomi (IPE), indeks pembangunan sosial (IPS) dan indeks pembangunan lestari (IPL). Untuk itu, fokus perbincangan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, meneliti kepentingan acuan pembangunan dalam indeks pembangunan. Kedua, menganalisis acuan pembangunan dalam indeks-indeks pembangunan terpilih, dan ketiga, merumuskan acuan bagi indeks pembangunan berteraskan Islam (PBI). Akhir sekali, kertas kerja ini merumuskan bahawa indeks PBI tidak boleh dibina berdasarkan acuan indeks pembangunan lazim. Indeks PBI mestilah dibina beracuankan tasawur Islam. Sesuatu indeks pembangunan itu tidak boleh dikatakan indeks PBI jika ia tidak dibina beracuankan tasawur Islam.

Katakunci: Acuan indeks pembangunan; Tasawur; Pembangunan berteraskan Islam

Abstract

The purpose of this paper is to analyse the paradigms which act as the basis of construction for existing development indices. There are several development indices available to measure the level of development in the world. Each development index is constructed based on a development paradigm. The question is, what are the paradigms used in constructing these indices? How did this paradigm influence the selection of indicators in these indices? This paper aspires to provide answers to these two questions by selecting and analyzing three types of conventional indices which are the economic development index (IPE), the social development index (IPS) and the sustainable development index (IPL). As such the focus of discussions is divided into three sections. First, it examines the importance of the development paradigms in the development indices. Second, it is to analyse the development paradigms in selected development indices and third, it is to formulate a paradigm for Islamic-based development index (PBI). Finally, this paper intends to conclude that Islamic-based development index could not be constructed based on the paradigms of the conventional development indices. The PBI Index needs to

be constructed based on the Islamic tasawur. A development index could not be regarded as a PBI index if it is not constructed on the paradigm of Islamic tasawur.

Keywords: Development indices' paradigms; Tasawur; Islamic based development index

Pengenalan

Pembangunan secara umumnya sangat sinonim dengan kemajuan. Pembangunan merupakan proses yang bersifat proaktif untuk memajukan serta meningkatkan kualiti hidup manusia dan seringkali dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi (Seers, 1969). Namun menurut Aidit Ghazali (1990), pembangunan yang sepatutnya bukanlah semata-mata bertumpu kepada isu ekonomi dan bukan juga semata-mata tertumpu kepada bidang tertentu. Bagi beliau, pembangunan ekonomi sama sekali tidak bermaksud pembangunan sesebuah masyarakat atau negara. Sebaliknya, pembangunan ekonomi merupakan salah satu daripada bahagian atau dimensi dalam keseluruhan pembangunan.

Perbezaan dalam mendefinisikan pembangunan bergantung kepada skop pembangunan yang terkandung dalam konsep atau acuan dan definisi pembangunan itu sendiri. Dalam satu skop, pembangunan dilihat semata-mata dari sudut ekonomi melalui peningkatan pendapatan per kapita sesebuah negara dalam jangka masa panjang. Bagi Seers (1969), kecenderungan mengukur pembangunan berdasarkan pendapatan per kapita telah menyebabkan pembangunan ekonomi dianggap sebagai pembangunan sesebuah negara. Aidit Ghazali (1990) mengemukakan skop lain dalam pembangunan yang mengambil kira pelbagai aspek, meliputi pembangunan moral serta spiritual dan dimanifestasikan kepada persekitaran fizikal. Dalam kedua-dua skop berbeza ini, terkandung skop lain yang menggabungkan elemen tertentu daripada keduanya. Gabungan ini menghasilkan definisi konvensional pembangunan kontemporari yang mencapai keperluan asas masyarakat

untuk menghapuskan kemiskinan tegar, ketidaksamaan dalam pengagihan serta pengangguran yang banyak dilihat sebagai acuan indeks pembangunan masa kini.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga bentuk indeks pembangunan yang biasa digunakan untuk mengukur pembangunan. Pertama, indeks pembangunan ekonomi. Kedua, indeks pembangunan sosial. Ketiga, indeks pembangunan lestari. Ketiga-tiga bentuk indeks ini mendefinisikan pembangunan dalam skop yang berbeza, berdasarkan acuan pembangunan masing-masing.

Kertas kerja ini berhasrat untuk menganalisis acuan ketiga-tiga indeks pembangunan di atas. Bagi memenuhi hasrat ini, kepentingan penentuan acuan dalam indeks pembangunan akan dikenalpasti terlebih dahulu. Seterusnya, acuan pembangunan dalam indeks pembangunan terpilih dianalisis dan akhirnya, makalah ini akan merumuskan rasional pemilihan acuan indeks pembangunan berteraskan Islam berdasarkan tasawur Islam.

Acuan Indeks Pembangunan

Indeks pembangunan merupakan satu kaedah untuk mengukur pembangunan. Ia dibina berdasarkan acuan pembangunan yang relevan dengan definisi pembangunan (Balassa & Huges, 1969). Acuan berperanan sebagai tunjang dan asas kepada indeks pembangunan. Berdasarkan acuan ini, indikator yang akan digunakan untuk mengukur dan menunjukkan keadaan pembangunan sesebuah negara dipilih. Melalui integrasi indikator-indikator pembangunan dengan kaedah statistik, indeks pembangunan terbina. Atas sebab inilah acuan bagi sesebuah indeks pembangunan itu penting memandangkan tahap pembangunan sesebuah negara ditentukan melalui indikator ini.

Acuan indeks pembangunan berkait rapat dengan definisi pembangunan itu sendiri. Hubungan ini menunjukkan bahawa setiap indeks pembangunan mempunyai acuan

yang berbeza, sekali gus membezakan antara indeks pembangunan lazim dengan indeks pembangunan berteraskan Islam. Acuan pembangunan lazim yang terdiri daripada falsafah pembangunan lazim akan membentuk indeks pembangunan lazim manakala falsafah pembangunan berteraskan Islam pula akan membentuk indeks pembangunan berteraskan Islam. Acuan pembangunan lazim tidak boleh digunakan untuk membina indeks pembangunan berteraskan Islam dan begitu juga sebaliknya. Indeks pembangunan berteraskan Islam yang tulen hanya boleh dibina berdasarkan acuan pembangunan berteraskan Islam, bukan dengan menggunakan acuan pembangunan lazim ataupun secara campur aduk antara acuan pembangunan berteraskan Islam dengan pembangunan lazim.

Perbezaan dalam acuan ini tidak hanya berlaku antara indeks pembangunan berteraskan Islam dengan indeks pembangunan lazim. Perbezaan ini turut berlaku antara satu indeks pembangunan lazim dengan indeks pembangunan lazim yang lain. Indeks pembangunan ekonomi, indeks pembangunan sosial dan indeks pembangunan lestari, masing-masing mempunyai acuan tersendiri, sesuai dengan definisi dan matlamat pembangunan berbeza yang ingin dicapai.

Indeks Pembangunan Ekonomi

Pembangunan paling mudah diukur melalui pendapatan dengan melihat kepada indikator keluaran negara kasar (KNK) atau kadar dalam negara kasar (KDNK) (Stockhammer et. al., World Bank, 1978). Bank Dunia menggunakan pendekatan ini dalam menghasilkan Indikator Pembangunan Dunia (World Development Indicator, WDI). Kumpulan indikator ini merangkumi aspek pembangunan manusia, alam sekitar, ekonomi, pasaran serta hubungan global. Walaupun meliputi pelbagai aspek, indikator-indikator ini diukur berdasarkan KNK dan KDNK. Pembangunan manusia dalam kumpulan indikator ini juga diukur melalui acuan ekonomi iaitu melalui umur untuk menentukan populasi bekerja dan tenaga

buruh. Daripada keseluruhan 18 aspek yang merangkumi 74 indikator, hanya empat aspek tidak dikaitkan secara langsung dengan ekonomi iaitu indikator demografi, unjurran populasi, indikator berkaitan kesihatan serta pendidikan (World Bank, 1978).

WDI dibina untuk mengukur sama ada negara-negara yang terlibat telah berubah sepenuhnya menjadi negara yang memiliki ekonomi dan masyarakat moden (World Bank, 1978: 1). Berdasarkan pemilihan indikator WDI, dapat dilihat dengan jelas bahawa WDI dibina dengan kepercayaan bahawa sebuah negara maju mesti menghadapi transisi kepada negara berekonomi dan bermasyarakat moden seperti yang dikemukakan oleh Rostow melalui teori tahap-tahap pertumbuhannya (Muhammad Syukri, 2003a:8). WDI juga mempunyai dua matlamat utama dalam mengukur pembangunan iaitu mengukur pertumbuhan ekonomi dan mengukur penurunan kemiskinan (World Bank, 1978).

Melalui WDI, Bank Dunia berhasrat untuk mengesahkan masalah ketidakcukupan makanan, tempat perlindungan, pendidikan dan kesihatan. Walaupun begitu, pemilihan indikator-indikatornya lebih bertumpu kepada faktor ekonomi. Manusia dalam WDI diukur melalui kemampuannya membangunkan ekonomi sekali gus menjadikan manusia sebagai makhluk ekonomi (Muhammad Syukri, 2003a:10). Pengukuran manusia dari sudut ekonomi ini bertepatan dengan sistem kapitalisme yang mengukur manusia dari sudut ekonomi, lantas menunjukkan WDI sebagai contoh indeks pembangunan ekonomi yang dibina dengan beracuakan sistem kapitalisme.

Bagi ahli pembangunan ekonomi, pertumbuhan ekonomi akan membawa kepada kesan menitik ke bawah (*trickle down effects*) yang membolehkan pengagihan kekayaan berlaku. Hasil pengagihan kekayaan ini membolehkan kesejahteraan atau “*well-being*” dapat dicapai. Ahli ekonomi beranggapan bahawa kesejahteraan dapat dicapai dengan memenuhi kepuasan individu terhadap kemahuan mereka

khususnya melalui pasaran.

Kepuasan daripada kemahanan adalah hasil daripada penggunaan namun memandangkan kepenggunaan. Ahli ekonomi juga percaya kepenggunaan bergantung sepenuhnya kepada pendapatan sekali gus menjadikan pendapatan sebagai indikator utama dalam mana-mana indeks pembangunan ekonomi (OECD, 2009). Namun setelah KDNK negara-negara membangun meningkat sehingga 3.4% setahun pada tahun 1950 hingga tahun 1975, pengagihan kekayaan yang diharapkan tidak terjadi (Zubair Hassan, 2006:4). Jurang pendapatan yang boleh dilihat melalui peningkatan koefisien Gini juga semakin bertambah (Chua et. al., 2010). Ini turut diperakui oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (Organisation for Economic Co-Operation and Development, OECD) dengan mengambil contoh negara ahli OECD sendiri. Pertubuhan antarabangsa ini menyatakan bahawa penggunaan KDNK per kapita sebagai indikator tidak menggambarkan pembangunan pada semua strata sosial dan unsur lain yang berkaitan dengan pembangunan (OECD, 2009).

Menyedari kelemahan KDNK sebagai indikator untuk mengukur pembangunan ekonomi beberapa percubaan untuk menghasilkan indeks pembangunan ekonomi dilakukan. Antara percubaan menghasilkan indeks alternatif ini adalah indeks KNK Hijau (Green GNP), KNK Kebajikan (Welfare GNP) dan Indeks Planet Gembira (Happy Planet Index) (OECD, 2009). Namun begitu, indeks-indeks ini biasanya dibina berdasarkan anggapan bahawa faktor kualitatif dalam indikatornya mestilah ditukarkan kepada bentuk kuantitatif yang masih lagi bersandarkan nilai wang (*monetary values*) lantas kebanyakan indeks ini dianggap gagal dalam menjadi indeks untuk mengukur pembangunan yang sebenar. Pilihan lain bagi menghadapi masalah ini adalah melalui penggunaan indikator sosial yang semakin menarik minat ahli pembangunan sekitar tahun 70-an (UNRISD, 1970).

Indeks Pembangunan Sosial

Terdapat pelbagai indeks pembangunan dengan indikator sosial diperkenalkan seiring dengan kesedaran terhadap keperluan untuk membina sebuah indeks yang lebih lengkap dan mempunyai skop luas untuk mengukur keadaan pembangunan. Indeks dengan indikator sosial ini lebih mudah dikenali sebagai indeks pembangunan sosial. Antara contoh indeks pembangunan sosial adalah Indeks Kualiti Hidup Fizikal (Physical Quality of Life Index, PQLI) oleh Morris dan Liser (1977) dan Indikator Sosial untuk Pembangunan (Social Indicators for Development, SID) oleh Bank Dunia (World Bank, 1987). Namun, salah satu indeks pembangunan sosial yang popular dan berpengaruh adalah Indeks Pembangunan Manusia (Human Development Index, HDI).

HDI dikemukakan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Development Programme, UNDP). Indeks ini diterbitkan pertama kali pada tahun 1990 melalui Laporan Pembangunan Manusia bersama Indeks Kemiskinan Manusia, Indeks Pembangunan Berkaitan Jantina dan Ukuran Pemerkaaan Jantina (UNDP, 2007). Pembangunan manusia yang dimaksudkan dalam HDI adalah kesedaran terhadap potensi manusia. HDI dibina beracuankan pendekatan keupayaan dan kefungsian (*capabilities and functionings approach*) yang dikemukakan oleh tokoh ekonomi, Armatya Sen. Melalui pendekatan ini, pembangunan manusia bukan sahaja untuk membolehkan manusia “berfungsi” tetapi lebih penting lagi untuk mempunyai keupayaan atau kebebasan mencapai potensi diri (UNDP, 2007). Jika pembangunan ekonomi menjadikan manusia sebagai makhluk ekonomi, pembangunan manusia pula mensasarkan kesejahteraan manusia sebagai matlamat akhirnya. Atas sebab ini, HDI menggabungkan tiga komponen utama dalam pemilihan indikatornya iaitu ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Melalui indikator-indikator ini, UNDP menegaskan pendirian bahawa pembangunan adalah untuk manusia dan

ekonomi merupakan satu cara untuk mencapai pembangunan manusia (UNDP, 1996).

Sebagai sebuah indeks pembangunan yang berpusat kepada manusia dengan memaksimumkan keupayaan manusia sebagai acuan, HDI tidak menyentuh aspek alam sekitar. Menyedari bahawa pembangunan yang menyeluruh tidak hanya terhad kepada pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia sahaja, pembangunan lestari mula menarik perhatian ahli pembangunan. Manusia tidak hidup secara tunggal, sebaliknya berinteraksi bukan sahaja sesama manusia, tetapi juga dengan alam sekitarnya. Atas sebab ini, lahirnya indeks pembangunan lestari.

Indeks Pembangunan Lestari

Indeks pembangunan lestari dibina melalui integrasi indikator ekonomi, sosial dan alam sekitar (Mayer, 2008; UN-DSD, 2009). Antara contoh indeks pembangunan lestari adalah indeks gabungan oleh Presscot-Allen (2001). Indeks tersebut menggabungkan Indeks Kesejahteraan (Wellbeing Index) yang mengandungi 36 indikator sosio-ekonomi dengan Indeks Kesejahteraan Ekosistem (Ecosystem Wellbeing Index) yang mengandungi 51 indikator alam sekitar.

Indeks pembangunan lestari dicetuskan pada Persidangan Rio 1992 melalui Agenda 21 (UN, 2004). Indeks pembangunan lestari berpaksikan kepada pendapat bahawa pembangunan sepatutnya memenuhi keperluan semasa tanpa mengorbankan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka (WCED, 1987). Ringkasnya, paradigma pembangunan lestari adalah memastikan setiap perkara yang dilakukan kini tidak mendatangkan kemudaratuan pada masa akan datang (Bell & Morse, 2008).

Menurut Bell & Morse (2008), pembangunan lestari bertunjang kepada dua perkara utama iaitu pendapat ekologi serta keupayaan daya tampung (*carrying capacity*). Pendapat ini mengatakan bahawa sistem ekologi atau

ekosistem mempunyai tahap keupayaan daya tampung tertentu. Pertambahan individu dalam satu-satu ekosistem sehingga melebihi tahap keupayaan daya tampung ekosistem tersebut akan menyebabkan penggunaan sumber yang berlebihan sekali gus meruntuhkan populasi. Tunjang kedua dalam pembangunan lestari adalah kritik terhadap teknologi. Pendapat ini mengambilkira kemuradaran yang didepani oleh ekosistem akibat daripada penggunaan teknologi (Bell & Morse, 2008). Walaubagaimanapun, indeks pembangunan lestari tidak mempunyai acuan yang jelas kerana definisi pembangunan lestari itu sendiri masih belum jelas dan masih diperdebatkan (Bell & Morse, 2008).

Kelemahan Acuan Indeks Pembangunan Lazim

Ketiga-tiga contoh indeks pembangunan ekonomi, sosial dan lestari jelas mempunyai acuan masing-masing sesuai dengan definisi pembangunan yang telah ditetapkan. Indeks pembangunan ekonomi beracuan kapitalis dengan yang mementingkan pertumbuhan pendapatan. Indeks pembangunan sosial pula dibina berdasarkan pendekatan keupayaan dan kefungsian. Indeks pembangunan sosial juga meletakkan manusia kesejahteraan manusia sebagai matlamat akhirnya (UNDP, 2007). Walaupun menerapkan unsur alam sekitar, pembangunan lestari dalam indeks pembangunan lestari yang dimaksudkan sebenarnya lebih tertumpu kepada memelihara kepentingan manusia itu sendiri. Kebanyakan indeks pembangunan lestari hanya menggunakan indikator-indikator serta data daripada HDI yang mengandungi indikator ekonomi dan sosial seterusnya mengintegrasikan data ini dengan indeks alam sekitar (Mayer, 2008).

Meskipun indeks pembangunan sosial bertumpu kepada manusia dan indeks pembangunan lestari cuba memelihara sumber-sumber pembangunan namun kedua-dua indeks ini sebenarnya berkongsi paradigma pembangunan yang sama dengan indeks pembangunan ekonomi.

Berdasarkan penelitian, indeks pembangunan sosial juga dipercayai beracuan kapitalis dengan bersandarkan kepada teori pengagihan dengan pertumbuhan (*redistribution-with-growth*). Indeks ini percaya pertumbuhan ekonomi memainkan peranan penting dalam pembangunan untuk membolehkan manusia berkeupayaan untuk menjalankan fungsinya dan memperoleh sumber-sumber pembangunan (UNDP, 2007). Hal yang sama berlaku dalam indeks pembangunan lestari. Indeks ini sebenarnya terbina dengan kepercayaan bahawa sumber alam adalah terhad (*scarcity of resources*) sedangkan kemahuan manusia tidak terhad. Kepercayaan ini merupakan andaian yang terkandung dalam falsafah pembangunan lazim (Muhammad Syukri, 2003a).

Contoh-contoh indeks pembangunan lazim yang dibincangkan menunjukkan bahawa ketiga-tiganya berkongsi acuan iaitu paradigma falsafah pembangunan lazim. Terdapat tiga bukti perkongsian paradigma yang sama. Pertama, ketiga-tiganya mempunyai hukum kemajuan yang sama dengan cuba menghapuskan masyarakat tradisi bagi membolehkan sesebuah negara itu memiliki ekonomi dan masyarakat yang moden (World Bank, 1978). Kedua, indeks pembangunan lazim ini mempunyai andaian yang sama iaitu kemahuan manusia adalah tidak terhad sedangkan sumber alam adalah terhad. Persamaan ketiga indeks-indeks pembangunan lazim ini adalah tanggapan yang sama. Indeks pembangunan ekonomi menjadikan manusia sebagai makhluk ekonomi untuk meningkatkan pendapatan. Indeks pembangunan manusia pula menjadikan manusia sebagai matlamat akhir manakala indeks pembangunan lestari cuba mengawal manusia pada masa kini demi kepentingan manusia pada masa akan datang.

Natijah dari perkongsian tasawur ini menjadikan ciri utama indeks pembangunan lazim sama ada indeks pembangunan ekonomi, indeks pembangunan manusia mahupun indeks pembangunan lestari bersifat material dan fizikal. Indeks-indeks ini tidak mengambil kira masalah yang berlaku semasa pembangunan

berlangsung. Wan Mohd Nor (2001) mengambil contoh negara-negara yang mempunyai nilai WDI dan HDI yang tinggi namun dalam masa yang sama berdepan dengan gejala sosial yang berleluasa. Dengan beberapa kelemahan yang terkandung dalam tasawur indeks pembangunan lazim ini menunjukkan betapa perlunya acuan lain untuk membina indeks pembangunan berteraskan Islam.

Acuan Indeks Pembangunan Berteraskan Islam

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, didapati indeks pembangunan lazim dibina dengan acuan pembangunan lazim yang bersumberkan epistemologi Barat, iaitu berdasarkan pemikiran pengasas-pengasas teori pembangunan lazim. Sesuatu yang berdasarkan akal manusia semata-mata sudah tentu mempunyai banyak kelemahan. Oleh sebab itu, acuan indeks pembangunan lazim ini tidak boleh digunakan untuk membina indeks pembangunan berteraskan Islam. Kertas kerja ini mencadangkan penggunaan tasawur Islam sebagai acuan indeks pembangunan berteraskan Islam.

Bagi memahami paradigma tasawur Islam yang menjadi acuan kepada indeks pembangunan berteraskan Islam ini dengan lebih mendalam, perbincangan dibahagikan kepada empat perkara. Pertama, definisi tasawur Islam. Kedua, sumber tasawur Islam. Ketiga, kedudukan tasawur Islam dan keempat, elemen-elemen asas dalam tasawur Islam.

Definisi Tasawur

Tasawur berasal daripada istilah Arab, *tasawwur*. Kata dasar bagi istilah *tasawwur* ialah *sawwara* (Madkur, 1990 dan Mihna, 1993b). Tasawur sering diterjemahkan berbeza-beza seperti pandangan sarwa, pandangan dunia, pandangan alam dan pandangan hidup (Panel Akademi Pengurusan YaPEIM, 2011; Siddiq Fadzil, 2009). Al-Buraey (1985), Umer Chapra (1992:4), Mohd. Kamal Hassan (1993), Al-Attas (1996), Acikgenc (1996a),

dan Abdelaziz (2009a) pula menterjemahnya sebagai *worldview* sedangkan Izutsu (1964), Wan Mohd. Nor (1994) dan Abu Bakar (2004) menterjemahkan sebagai *weltanschauung*.

Dalam bahasa Arab, perkataan *sawwara* yang merupakan kata dasar kepada istilah *tasawwur* mempunyai tiga pengertian utama. Pertama, memberikan tanggapan terhadap rupa sesuatu yang dapat digambarkan (Mihna, 1993b dan Ibn Manzur, 1994b). Kedua, menjelaskan gambaran sebenar terhadap sesuatu (Mas'ud, 1990b dan al-Qasimiy, 1989). Ketiga, menghasilkan rupa sesuatu dalam akal (al-Qasimiy, 1989 dan Madkur, 1990). Jelas di sini bahawa istilah tasawur bermaksud tanggapan, gambaran, atau cara pandang terhadap segala sesuatu.

Berdasarkan perbincangan pengertian istilah tasawur dari segi etimologi ini, dapat disimpulkan bahawa secara terminologi istilah tasawur bermaksud gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu (Mohd. Kamal Hassan, 1993). Pengertian yang komprehensif ini merangkumi penjelasan yang sebenar dan lengkap tentang perkara yang dikaji (Haron Din, 1992). Perkataan tasawur yang digabungkan dengan perkataan Islam, membentuk tasawur Islam yang bermaksud gambaran komprehensif atau hakiki mengenai Islam yang bertujuan menjelaskan keseluruhan prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada pandangan hidup dan bersebatи dalam diri (Haron Din, 1992; Muhammad Syukrih, 2003a dan Ramli Awang, 1997). Maksud tasawur Islam inilah yang digunakan dalam kertas kerja ini.

Sumber Tasawur Islam

Tasawur Islam lahir dan terbentuk daripada asas yang dihubungkan dengan asal ilmu Islam iaitu epistemologi Islam (Al-Attas, 1995; Sidek Baba, 2006). Epistemologi berasal dari dua perkataan Yunani iaitu *episteme* yang berarti ilmu pengetahuan dan *logos* yang bererti teori atau kajian (Blackburn, 1996; Muhyar Fanani, 2009). Perkara ini juga disebut sebagai

nazariyyatu 'l-ma 'rifah (Mutahhari, 2011).

Dalam membincangkan tentang epistemologi Islam, Sudin Haron (1996), Muhammad Syukri (2003a), Sidek Baba (2006) dan Hamid Fahmy Zarkasyi (2007) memfokuskan perbincangan kepada aspek sumber. Mereka menyatakan epistemologi Islam terdiri daripada dua sumber utama iaitu *naqli* (wahyu) dan '*aqli* (ijtihad). Sumber *naqli* ialah al-Qur'an atau *al-wahy al-matlu* (wahyu yang dibacakan) dan al-Sunnah atau *al-wahy ghayr al-matlu* (wahyu yang tidak dibacakan). Kedua-duanya dikenali sebagai *al-adillat al-qat'iyyat* (bukti yang tidak boleh dipertikaikan kebenarannya). Sumber '*aqli* pula, terutamanya yang telah disepakati ialah *al-ijma'* dan *al-qiyas*. Kedua-duanya dikenali sebagai *al-adillat al-ijtihadiyyat* (pandangan yang didapati melalui kesungguhan berfikir).

Sidek Baba (2006) turut memfokuskan perbincangan kepada aspek tunjang epistemologi Islam. Beliau menyatakan terdapat empat perkara yang menunjangi epistemologi Islam itu. Tunjang yang paling utama ialah akidah, manakala tunjang-tunjangnya yang lain ibadah, akhlak dan *syari'at* (perundangan). Al-Attas (1995) dan Sidek Baba (2006) menyatakan dari epistemologi Islam inilah tasawur dalam Islam itu terbentuk. Dengan itu ia menjadi lebih sepadu dan bersifat fitrah. Di samping itu juga, dengan memiliki asas epistemologi yang kukuh ini telah menyebabkan tasawur dalam Islam itu jauh berbeza daripada tasawur dalam perspektif lazim. Tasawur dalam perspektif lazim itu berdasarkan pada materialisme dan idealisme yang didukung oleh empirisme, rasionalisme, realisme, nominalisme dan pragmatisme.

Kedudukan Tasawur Islam

Mohd. Kamal Hassan (1993 & 1994) dan Muhammad Syukri (2003a) berpendapat bahawa tasawur Islam adalah asas, tapak atau acuan dalam setiap aspek kehidupan manusia yang mana segala tindakan, perilaku dan aktiviti manusia dipengaruhi oleh tasawurnya. Pandangan Mohd. Kamal Hassan (1993 & 1994)

dan Muhammad Syukri (2003a) ini dilihat selari dengan penjelasan Acikgenc (1996a) tentang kedudukan tasawur Islam, iaitu:

"The foundation of all human conduct, including scientific and technological activities. Every human activity is ultimately traceable to its worldview, and as such it is reducible to that worldview."

Berdasarkan pandangan Acikgenc (1996) ini, Hamid (2007) merumuskan bahawa tasawur adalah faktor dominan dalam diri manusia. Tasawur menjadi penggerak, landasan dan acuan bagi keseluruhan aktiviti kehidupan manusia. Termasuk dalam aktiviti kehidupan manusia ini ialah pembinaan indeks untuk mengukur sesuatu pembangunan. Jika sesebuah indeks pembangunan itu dicorakkan oleh acuan lazim, maka akanlah indeks pembangunan lazim. Begitulah juga jika indeks pembangunan itu dicorakkan oleh tasawur Islam, maka akanlah indeks pembangunan berteraskan Islam. Inilah kepentingan peletakan tasawur Islam sebagai acuan kepada indeks pembangunan berteraskan Islam.

Elemen-Elemen Asas Tasawur Islam

Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009), Ramli Awang (1997), Musa Asy'arie (2002), dan Muhammad Syukri (2002 & 2003a), tasawur Islam mempunyai tiga elemen asas. Pertama, Allah (s.w.t) sebagai Pencipta. Kedua, manusia sebagai makhluk, dan ketiga, sumber alam juga sebagai makhluk.

Dalam memperincikan elemen asas tasawur Islam yang pertama, iaitu Allah (s.w.t) sebagai Pencipta, al-Mawdudiy (1985b), M. Umer Chapra (1992 & 1996), Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009), dan Musa Asy'arie (2002), menyatakan bahawa Allah (s.w.t) merupakan Pencipta, Penguasa, Pemilik dan Pentadbir seluruh alam semesta. Tiada sesuatu pun yang menyamai dan dapat menyaingi-Nya. Lagipun setelah mencipta alam, Allah (s.w.t) tidak membiarkannya begitu

sahaja, sebaliknya terus menerus mengurus hal ehwal alam yang diciptakan-Nya itu (Yunus, 10:3). Menurut Muhammad Syukri (2002), hubungan yang wujud antara manusia (hamba) dengan Allah (s.w.t) (Pencipta) ini adalah berbentuk hubungan menegak.

Semua ini merupakan hakikat ketuhanan yang wajib diimani dan diyakini oleh setiap insan. Lagipun hakikat hubungan antara manusia dengan Allah (s.w.t) ini merupakan konsep *rububiyyah* dan *uluhiiyyah* Allah (s.w.t). Segala urusan diserahkan kepada Allah (s.w.t) yang mencipta manusia dan seluruh alam semesta. Dalam hal ini, Abdullah Yasin (1990) dan Ramli Awang (1997) menyatakan sekiranya keimanan seseorang kepada hakikat ketuhanan ini tidak menepati kehendak *uluhiiyyah*, ia akan menjadi seperti akidah orang-orang kafir. Golongan musyrikin tersebut hanya beriman dengan *rububiyyah* Allah (s.w.t), tetapi mereka tidak beriman dengan *uluhiiyyah* Allah (s.w.t), iaitu tidak mengabdikan diri kepada-Nya. Untuk menjelaskan tasawur akidah kaum musyrikin terhadap Allah (s.w.t) sebagai Pencipta, Ramli Awang (1997) dan Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009) bersandarkan kepada beberapa firman Allah (s.w.t), antaranya ialah daripada Surah al-'Ankabut (29:62-63), Yunus (10:31) dan al-Zukhruf (43:87).

Dalam menjelaskan tasawur akidah kaum musyrikin berdasarkan ayat-ayat yang dikemukakan sebelum ini, Abdullah Yasin (1990) dan Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009) menyatakan meskipun kaum musyrikin mempercayai tentang kewujudan Allah (s.w.t) dan meyakini bahawa Allah (s.w.t) yang menjadikan keseluruhan alam, menurunkan hujan, memberikan rezeki, menghidupkan dan mematikan, namun mereka tetap dianggap kufur kerana masih menggunakan perantaraan dalam mengabdikan diri kepada Allah (s.w.t); peraturan dan pentadbiran mereka tidak diambil daripada hukum serta ketetapan Allah (s.w.t); nilai-nilai hidup, budaya, sosial, ekonomi dan sebagainya tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar; dan menjadikan nafsu sebagai ukuran

dalam melakukan sesuatu perkara. Justeru, tasawur akidah seseorang Muslim terhadap Allah (s.w.t) hendaklah merangkumi kedua-dua konsep ketuhanan, iaitu konsep *rububiyyah* dan *uluhiiyyah*. Seseorang hamba itu tidak dianggap beriman selagi tasawur akidahnya terhadap Allah (s.w.t) hanya sekadar beriman dengan konsep *rububiyyah* atau sebaliknya. Dengan keyakinan tauhid ini iaitu, Tauhid *al-Rububiyyah* dan Tauhid *al-Uluhiyyah*, maka tempat pergantungan, perlindungan, penghormatan dan pengabdian manusia hanya kepada Allah (s.w.t) (*al-Fatiyah*, 1:5).

Berhubung elemen asas yang kedua pula, iaitu manusia sebagai makhluk Allah (s.w.t), M. Umer Chapra (1992), Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009), Muhammad Syukri (2002; 2003a), dan Musa Asy’arie (2002) menjelaskan bahawa manusia berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah (s.w.t). Dengan kata lain, hubungan manusia dengan Allah (s.w.t) ialah sebagai hamba (hubungan menegak) dan hubungan manusia sesama manusia ialah sebagai khalifah (hubungan mendatar). Ciri-ciri manusia sebagai hamba itu ialah tunduk dan patuh, mengikut dan menurut, taat dan setia, menyerah diri kepada Allah (s.w.t) dan bersujud kepada-Nya. Manakala ciri-ciri manusia sebagai khalifah Allah (s.w.t) itu pula ialah mempunyai keindahan rohani dan jasmani, berilmu, memiliki akal fikiran dan disediakan kemudahan sumber alam. Meskipun fungsi manusia sebagai khalifah Allah (s.w.t) itu berbentuk hubungan mendatar, namun ia sama sekali tidak boleh terpisah daripada hukum Allah (s.w.t). Tunjang kepada hubungan sesama manusia ini adalah berasaskan kepada hubungan antara manusia dengan Allah (s.w.t) melalui disiplin kerohanian. Kalau dalam peribadatan khusus manusia sentiasa terikat dengan ketaatan kepada Allah (s.w.t) dan hukum-Nya, maka begitu juga apabila ia berada dalam masyarakat sebagai pelaku pembangunan berteraskan Islam. Ikatan perhubungan itu masih wujud, cuma bentuknya sahaja berbeza. Oleh itu, manusia perlu mempertahankan statusnya sebagai hamba (*al-Dhariyat*, 51:56) dan khalifah di muka bumi

(*al-Baqarah*, 2:30) dengan beribadah kepada Allah (s.w.t).

Menurut Muhammad Syukri (2002 & 2003a) dan Ab. Aziz (1995), kedudukan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah (s.w.t) ini membuatkan manusia selaku pelaku pembangunan berteraskan Islam mempunyai falsafah dan fungsi yang berbeza daripada pembangunan lazim. Dalam hal ini, mereka tidak putus hubungan dengan Allah (s.w.t) (*habl min Allah*). Di samping itu, mereka juga terlibat dengan aktiviti pembangunan sebagai salah satu cara mengabdikan diri atau beribadah kepada Allah (s.w.t). Maksudnya, mereka tidak terikat dengan aspek-aspek ekonomi yang dinilai dengan ukuran produktiviti, pengeluaran dan kepenggunaan semata-mata sebagaimana yang difahami dalam pembangunan lazim. Sebagai khalifah Allah (s.w.t) pula, mereka menghubungkan diri sesama manusia dan sumber-sumber alam (*habl min al-nas*). Mereka berinteraksi sesama manusia dan sumber alam dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah, berakhlik dan penuh beretika. Hal ini sesuai dengan peranan mereka sebagai khalifah Allah (s.w.t) yang ditugaskan untuk memakmurkan muka bumi ini (*al-An‘am*, 6:165 dan *Yunus*, 10:14).

Dalam menjalankan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah (s.w.t) di muka bumi ini, *al-Mawdudiy* (1985b) menjelaskan manusia tidak bebas daripada sebarang peraturan. Mereka ditempatkan di muka bumi ini buat sementara waktu sahaja. Pada suatu masa nanti ia akan dikembalikan kepada Pemiliknya (Allah (s.w.t)) untuk diadili. Segala-galanya bergantung kepada sejauh mana amanah yang dilaksanakannya ketika berada di alam dunia.

Dalam menghuraikan elemen asas yang ketiga, iaitu sumber alam sebagai makhluk, Musa Asy’arie (2002) dan Md Zawawi (2003) menyatakan bahawa Allah (s.w.t) merupakan Pencipta dan Pemilik mutlak sumber alam ini. Manakala manusia pula dipertanggungjawabkan sebagai pengurus

kepada sumber alam. Kedudukannya sebagai khalifah telah mengangkat manusia ke status yang lebih mulia dan tinggi di alam ini (*al-Isra'*, 17:70). Berhubung perkara ini, Abdul Halim El-Muhammady (1992, 1996 & 2009) dan Muhammad Syukri (2003a) menyatakan Allah (s.w.t) menyediakan sumber alam itu untuk kegunaan dan kemudahan manusia, agar dengan itu manusia sedar tentang rahsia dan fungsi ciptaannya serta sifat Allah (s.w.t) yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Oleh sebab itu, dalam meneroka dan menggunakan sumber alam ciptaan-Nya manusia mestilah mematuhi peraturan dan batasan yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t) (*al-Jathiyah*, 45:13). Hal ini jauh berbeza daripada persepsi teori pembangunan lazim yang menganggap segala sumber alam yang wujud di alam ini adalah sesuatu yang sedia ada dan wujud secara semulajadi tanpa ada sesiapa pun yang menciptakannya (Sobri Salamon, 1989; Muhammad Syukri, 2003a). Tidak cukup dengan itu, mereka juga beranggapan bahawa sumber-sumber alam itu adalah terhad, sedangkan kemahuan manusia tidak terhad (Muhammad Syukri, 2003a).

Dengan berasaskan kepada tauhid (Allah (s.w.t) sebagai Pencipta) yang menjadi elemen tunjang dalam tasawur Islam itu, semua tanggapan dalam teori pembangunan lazim tersebut akan tertolak. Misalnya, dalam perbincangan tentang penciptaan dan pemilikan kekayaan sumber alam, tidak akan timbul lagi tanggapan bahawa segala sumber alam yang wujud adalah sesuatu yang sedia ada dan wujud secara semulajadi tanpa ada sesiapa pun yang menciptakannya (Sobri Salamon, 1989; Muhammad Syukri, 2003a). Al-Qur'an telah jelaskan bahawa Allah (s.w.t) adalah sebagai Pencipta (*al-An'am*, 6:101-102) dan Pemilik azali segala sumber alam yang wujud ini (*al-Muzzammil*, 73:9; *Maryam*, 19:65). Manakala manusia pula hanya diberi amanah dan tanggungjawab untuk memakmurkan alam ini (*Hud*, 11:61). Dalam hal ini manusia hanyalah sebagai Pemilik sementara (*majazi*).

Seterusnya, dalam perbincangan tentang kuantiti sumber alam, tidak akan timbul lagi andaian bahawa sumber alam itu adalah terhad. Menurut Muhammad Syukri (2003a), dari segi fizikal memang tidak dinafikan bahawa sumber-sumber alam itu adalah terhad. Semakin digunakan sumber-sumber alam itu, semakin berkuranglah kuantitinya. Misalnya, telah terbukti bagaimana minyak, gas, besi, timah, emas dan logam-logam yang lain berkurangan dari satu masa ke satu masa setelah dieksplotasi oleh manusia. Lebih-lebih lagi kalau ia dieksplotasi secara berleluasa dengan dorongan nafsu *ammarah*, *lawwamah* atau *mulhamah*. Namun begitu, jika dilihat dari perspektif tauhid, pada hakikatnya sumber-sumber alam ini sebenarnya adalah tidak terhad. Ketidakterhadan sumber alam ini adalah berdasarkan empat faktor utama. Pertama, berdasarkan konsep rezeki yang ditetapkan dan dikurniakan oleh Allah (s.w.t) (*al-A'raf*, 7:10; *al-Isra'*, 17:31&70; *Hud*, 11:6; *al-Zumar*, 39:52; *al-Mulk*, 67:15; *Ali 'Imran*, 3:37; *al-Syura*, 42:27). Kedua, berdasarkan kaedah pengagihan semula sumber alam seperti sedekah (*al-Munafiqun*, 63:10; *al-Ra'd*, 13:22) dan zakat (*al-An'am*, 6:141; *al-Baqarah*, 2:267). Ketiga, berdasarkan konsep *barakah* (*al-A'raf*, 7:96; *al-Talaq*, 65:2-3); dan keempat, berdasarkan kaedah penggunaan sumber alam seperti tidak membazir (*al-Furqan*, 25:67; *al-An'am*, 6:141).

Ketiga-tiga elemen utama dalam tasawur Islam inilah, iaitu Allah (s.w.t) sebagai Pencipta, manusia sebagai makhluk, dan sumber alam juga sebagai makhluk merupakan asas bagi setiap aspek kehidupan manusia dan sekali gus menjadi acuan yang membentuk pembangunan berteraskan Islam. Hal ini sebagaimana yang telah dibina oleh Muhammad Syukri (2003a & 2007) bahawa tasawur Islam merupakan acuan dan prinsip pembangunan berteraskan Islam yang paling utama. Dari sinilah lahirnya enam prinsip teori pembangunan berteraskan Islam yang lain. Misalnya, prinsip pembangunan berteraskan Islam yang kedua lahir dari elemen kedua dalam tasawur Islam iaitu meyakini bahawa manusia sebagai makhluk Allah (s.w.t).

Prinsip pembangunan berteraskan Islam yang ketiga, keempat, kelima dan ketujuh pula lahir dari elemen pertama dalam tasawur Islam iaitu meyakini bahawa Allah (s.w.t) sebagai Pencipta, manakala prinsip teori pembangunan berteraskan Islam yang keenam lahir dari elemen ketiga dalam tasawur Islam iaitu meyakini bahawa sumber alam sebagai makhluk Allah (s.w.t). Kesemua prinsip ini saling berhubung kait antara satu sama lain.

Oleh sebab tasawur Islam yang menjadi acuan kepada pembinaan pembangunan berteraskan Islam, maka begitulah juga dalam pembinaan indeks pembangunan berteraskan Islam, tasawur Islam dijadikan sebagai acuan. Mana mungkin indeks pembangunan berteraskan Islam dibina beracuankan tasawur bukan Islam, sedangkan pembangunan berteraskan Islam itu dibina beracuankan tasawur Islam.

Kesimpulan

Indeks pembangunan lazim mengukur pembangunan dengan hasrat memenuhi kepuasan manusia. Sedangkan matlamat akhir indeks pembangunan berteraskan Islam adalah keredhaan Allah (s.w.t). Tasawur indeks pembangunan lazim berpaksi kepada manusia sedangkan tasawur indeks pembangunan berteraskan Islam berpaksi kepada Allah (s.w.t) sebagai Pencipta. Manusia dalam tasawur indeks pembangunan berteraskan Islam melaksanakan pembangunan sebagai manifestasi ketiaatan sebagai khalifah dan hamba Allah (s.w.t). Perbezaan paksi dan matlamat dalam kedua-dua indeks pembangunan lazim dan indeks pembangunan berteraskan Islam membuktikan betapa pentingnya untuk indeks pembangunan berteraskan Islam dibina berdasarkan tasawurnya sendiri, berasaskan tasawur Islam.

Rujukan

Ab. Aziz, M. Z. (1995). Keagungan Pencipta. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) & Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Abdelaziz, B. (2009). "The Islamic Worldview: Glimpses on Studies and Definitions", dlm. Abdelaziz Berghout (Ed.), Introduction to the Islamic Worldview Study of Selected Essentials. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady (1992). "Tasawwur Islam", dlm. Abdul Halim El-Muhammady (Ed.), Dinamika Dakwah Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini. Budaya Ilmu Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady (1996). "Tasawwur Islam", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Tasawwur Islam Peringkat Kebangsaan, anjuran Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, di Dewan Sri Budiman, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, 3-4 September.

Abdul Halim El-Muhammady (2009). "Tasawwur Islam: Huraian Konsep dan Skop", dlm. Abdul Halim El-Muhammady & Muhd 'Uthman El-Muhammady (Eds.), Tasawwur Islam: Huraian Konsep dan Implikasi Dalam Kehidupan. Selangor: Wadah Niaga Sdn. Bhd.

Abdullah Yasin (1990). Hakikat Dua Kalimah Syahadat. Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abu Bakar, M. (2004). "Wagas Islam, Warisan Melayu, dan Weltanshauung Malaysia", dlm. Mohd Nakhaie Hj. Ahmad, Mohamad Abu Bakar & Mahmood Zuhdi Ab. Majid (Ed.), Dialog Intraperadaban Melayu Wagas Islam, Warisan Melayu, dan Weltanshauung Malaysia. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

Acikgenc, A. (1996). Islamic Science Toward Definition. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Ahmad, M. S. (2004). Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

- Audit Ghazali. (1990). *Development: An Islamic Perspective*. Pelanduk Publications, Petaling Jaya, Malaysia.
- Al-Attas, M. N. S. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, M. N. S. (1996). "The Worldview of Islam: An Outline", dlm. Sharifah Shifa Al-Attas (Ed.), *Islam and the Challenge of Modernity: Historical and Contemporary Contexts*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Buraey, M. (1985). *Administrative Development: An Islamic Perspective*. Keagan Paul International, London.
- Al-Mawdudiy, A. A. A. (1985b). *Cara Hidup Islam*, terj. Wan Salim Muhammad Nur. Dewan Pustaka Fajar Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Al-Qasimi, A.M.B.'U.M.S.B.A. (1989). *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Larousse, Tunisia.
- Balassa, B., & Hughes, H. (1969). "Statistical Indicators of Levels of Industrial Development" dlm. Economic Department Working Paper. Washington: International Development Association. No. 45.
- Bell, S., & Morse, S. (2008). *Sustainability Indicators: Measuring the Immeasurable?* Earthscan, United Kingdom, London.
- Blackburn, S. (1994). *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford University Press, Oxford.
- Chua, H. W., Wong, A. K. W., & Shek, D. T. L. (2010). "Social Development in Hong Kong: Development Issues Identified by Social Development Index (SDI)". *Social Indicator Research*, 95 (2010): 535-551
- Hamid, F. Z. (2007). *Islam Sebagai Pandangan Hidup*. Dipetik daripada <http://idrusali85.wordpress.com/2007/07/09/islam-sebagai-pandangan-hidup/>. Dipetik pada 10hb Mei 2010.
- Haron Din (1992). *Tasawwur Islam*. Pustaka Hizbi, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Ibn Manzur, A.A.J. A.M.M.A.A.A.M. (1994b). *Lisan al-'Arab*, Jld. 5. Dar Sadir, Beirut, Lubnan.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Keio Institute of Cultural Studies, Tokyo, Japan.
- Madkur, 'A. A. (1990). *Manhaj al-Tarbiyyat fi al-Tasawwur al-Islamiy*. Dar al-Nahdat al-'Arabiyyat. Beirut, Lubnan.
- Mas'ud, Jubran. (1990b). *Al-Ra'id Mu'jam Lughawiyy 'Asriy*, Jld. 2. Dar al-'Ilm li al-Malayin. Beirut, Lubnan.
- Mayer, A. L. (2008). Strengths and weaknesses of common sustainability indices for multidimensional systems. *Environment International*, 34(2008):277-291
- Md Zawawi, A. B. (2003). "Konsep Alam", dlm. Mardzelah Makhsin (Ed.), *Pendidikan Islam*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, Pahang, Malaysia.
- Mihna, A. A. (1993b). *Lisan al-Lisan Tahdhib Lisan al-'Arab li al-'Allamat Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur*, Jld. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Mohd Kamal Hassan (1993). "The Islamic World-View", kertas kerja yang dibentangkan di Seminar On Islam and Its World-View: An American Perception, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan The Malaysian-American Commission On Education Exchange, di Hotel Pan Pasific, Kuala Lumpur, 19 Ogos.

- Mohd Kamal Hassan (1994). "The Islamic World-View", dlm. Abdul Monir Yaacob dan Ahmad Faiz Abdul Rahman (Eds.), Toward A Positive Islamic World-View: Malaysian and American Perceptions. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Morris, D. M., & Liser, F. B. (1977). The PQLI: measuring progress in human needs. Communiqué on Development Issues, 32.
- Muhammad Syukri, S. (2002). Pembangunan Berteraskan Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Syukri, S. (2003a). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri, S. (2007). "Prinsip-Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam", dlm. Muhammad Hisyam Mohamad (Ed.), Pembangunan Dari Perspektif Islam. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd. dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Muhyar, F. (2009). Ilmu Ushul Fiqh di Mata Filsafat Ilmu. Walisongo Press, Semarang, Indonesia.
- Musa Asy'rie (2002). Filsafat Islam Sunnah Nabi Dalam Berpikir. LESFI. Yogyakarta, Indonesia.
- Mutahhari, M. (2011). The Theory of Knowledge an Islamic Perspective (Mas'aleh-ye Sbinakbt), terj. Mansoor Limba. Tehran, Iran: Institute for Humanities and Cultural Studies (IHCS) & Ahlul Bayt University.
- OECD (Organisation for Economic Co-Operation and Development). (2009). Society at a Glance. OECD/Korea Policy Centre
- Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2011). Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani. Akademi Pengurusan YaPEIM, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Presscot-Allen, R. (2001). The Wellbeing of Nations: A Country by Country Index of Quality of Life and the Environment. Island Press, Washington DC.
- Ramli Awang (1997). Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Seers, D. (1969). "The Meaning of Development". International Development Review, 11:2-6
- Siddiq Fadzil (2009). Pandangan Sarwa Islami. Dipetik daripada <http://drsiddiqfadzil.blogspot.com/2009/08/pandangan-sarwa-islami-islamic.html>. Dipetik pada 2hb Oktober 2009.
- Sidek Baba (2006). Pendidikan Rabbani. Karya Bestari Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.
- Sobri Salamon (1989). Ekonomi Islam Pengenalan Sistem dan Kemungkinan. Selangor: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Stockhammer, E., Hochreiter, H., Obermayr, B. & Steiner, K. (1997). The index of sustainable economic welfare (ISEW) as an alternative to GDP in measuring economic welfare. The results of the Austrian (revised) ISEW calculation 1955 – 1992. Ecological Economics, 21: 19-34
- Sudin Haron (1996). Prinsip dan Operasi Perbankan Islam. Berita Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Umer Chapra, M. (1992). Islam and the Economic Challenge. The Islamic Foundation, Leicester, United Kingdom, London.
- Umer Chapra, M. (1996). Islam dan Pembangunan Ekonomi (Islam and Economic

Development), terj. Adi Setia Mohd Dom. Selangor: The International Institute of Islamic Thought (ISTAC), Malaysia dan Thinkers Library Sdn. Bhd.

UN (United Nations) (2004). Agenda 21: Chapter 40. Dipetik daripada <http://www.un.org/esa/sustdev/documents/agenda21/english/agenda21chapter40.htm>. Dipetik pada 26hb Februari 2011

UNDP (United Nations Development Programme) (1996). Human Development Report. Oxford University Press, New York, USA.

UNDP (United Nations Development Programme) (2007). Measuring Human Development: A Primer. UNDP, New York, USA.

UN-DSD (United Nations – Division for Sustainable Development) (2009). Home. Dipetik daripada <http://www.un.org/esa/dsd/index.shtml>. Dipetik pada 28hb Ogos 2010.

UNRISD (United Nations Research Institute for Social Development) (1970). Contents and measurement of socio-economic development. UNRISD, Geneva.

Wan Mohd Nor, W. D. (1994). Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Pelaksanaan di Malaysia. Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, Malaysia.

Wan Mohd Nor, W.D. (2001). Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

WCED (World Commission on Environment and Development). (1987). Our Common Future. Oxford University Press, Oxford.

World Bank (1978). World Development Report 1978. The World Bank, USA.

World Bank (1987). Sosial Indicators of Development 1987. The World Bank, USA.

Zubair, H. (2006). Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications and Policy Concerns. MPRA Paper 2784, 7 November 2007.